

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Sunday, April 8, 2018 3:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: PPA COB ANJUR BENGKEL PEMBANGUNAN PELAJAR BERSAMA INDUSTRI



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

8 APRIL 2018 / 21 REJAB 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

PPA COB ANJUR BENGKEL PEMBANGUNAN PELAJAR BERSAMA INDUSTRI



PPA UUM COB: 7 April 2018, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA COB) dengan kerjasama Pusat Kerjasama Universiti - Industri (CUIC) telah menganjurkan bengkel “Penyediaan Resume Khas & Teknik Memohon Tempat Praktikum” bertempat di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, UUM.

Bengkel yang menarik minat lebih 150 pelajar yang majoriti daripada Kolej Perniagaan ini telah dikendalikan oleh Puan Hamidah binti Othman, Eksekutif Kanan Sumber Manusia Petrofac Engineering Services (M) Sdn Bhd yang berpengalaman luas dalam bidang Sumber Manusia.

Puan Hamidah telah menyampaikan *tips dalam* menyediakan resume yang menarik serta mampu menarik perhatian bakal majikan, bagaimana berkomunikasi dengan betul dengan pihak majikan termasuklah berkongsi pengalaman beliau sendiri sepanjang menyelia pelajar praktikum.

Bengkel ini dianjurkan selaras dengan fungsi jabatan dari segi pembangunan pelajar dan memastikan pelajar bersedia dari segi fizikal dan mental sebelum mereka menempuh alam pekerjaan.

Turut hadir Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Othman, Timbalan Dekan PPA COB, Pegawai dan staf PPA COB.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah

☎ 04-928 6610

☎ 04-928 6606

Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.